

# POLYNASE FORTE SYRUP

Dexchlorpheniramine maleate /Pseudoephedrine hydrochloride (2mg/30mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan POLYNASE FORTE SYRUP
2. Bagaimana POLYNASE FORTE SYRUP berfungsi
3. Sebelum mengambil POLYNASE FORTE SYRUP
4. Cara menggunakan POLYNASE FORTE SYRUP
5. Semasa menggunakan POLYNASE FORTE SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan POLYNASE FORTE SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan POLYNASE FORTE SYRUP

POLYNASE FORTE SYRUP digunakan untuk kesesakan saluran pernafasan, sinusitis (radang pada selaput sinus hidung) akut dan rinitis (keradangan membran mukus hidung) alergi.

## Bagaimana POLYNASE FORTE SYRUP berfungsi

*Dexchlorpheniramine* adalah antihistamina yang bersaing dengan tempat reseptor histamina untuk mencegah tindak balas alahan. *Pseudoephedrine* bertindak ke atas reseptor di vasokonstriksi (pengurangan diameter salur dalam saluran pernafasan dan menghasilkan darah). Ia mengecutkan kebengkakan membran mukus hidung, edema, melegakan kesesakan hidung dan memudahkan pernafasan.

## Sebelum mengambil POLYNASE FORTE SYRUP

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda hipersensitif terhadap ubat ini atau mana-mana komponen ubat ini.
- Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi yang serius atau penyakit arteri koronari (berkaitan dengan jantung atau saluran darah ke jantung).
- Jika anda menjalani rawatan dengan *monoamine oxidase inhibitor* dan berhenti dalam masa 2 minggu.
- Tidak boleh digunakan untuk bayi ataupun bayi pramatang.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain. Ia harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai mana-mana keadaan seperti berikut:

- glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata)
- *stenosing* ulser peptik (parut dan bengkak disebabkan oleh ulser menyebabkan penyempitan dalam duodenum dan halangan pada keluaran gastrik.
- halangan *pyloroduodenal*.
- gejala prostatik hipertrofi (pembesaran kelenjar prostat)
- halangan pada leher pundi kencing.
- penyakit kardiovaskular termasuk hipertensi (tekanan darah tinggi)
- tekanan intra-okular (dalam mata) meningkat.
- hipertiroidisme (kelenjar tiroid yang sangat aktif)
- kencing manis.

### Bagi kegunaan dalam kehamilan dan penyusuan susu ibu:

- Tiada bukti yang mengatakan bahawa penggunaan produk ini semasa mengandung dan menyusukan anak adalah selamat. Ia hanya boleh diberikan kepada wanita hamil dan ibu yang menyusukan anak apabila jelas diperlukan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Berikut merupakan ubat-ubat yang boleh bertindakbalas dengan POLYNASE FORTE SYRUP:

- Campuran Aluminium hidroksida
- monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs) (antidepresi).
- ubat-ubat untuk tekanan darah tinggi (seperti: *methyldopa*, *mecamylamine*, *reserpine* dan *veratrum alkaloids*)
- *digitalis glycosides*

## Cara menggunakan POLYNASE FORTE SYRUP

### Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 sudu teh (10ml) setiap 4-6 jam.

### Kanak-kanak:

- 12 tahun atau lebih: 1 sudu teh (5ml) setiap 6-8 jam.
- 6 - 11 tahun: ½ sudu teh (2.5ml) setiap 6 - 8 jam.
- 2 - 5 tahun: sudu teh ¼ (1.25mL) setiap 6 - 8 jam.

### Bila perlu digunakan

POLYNASE FORTE SYRUP perlu diambil mengikut masa yang dicadangkan oleh doktor anda.

### Berapa lama harus digunakan

POLYNASE FORTE SYRUP perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### Jika terlupa menggunakannya

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kegemuruhan, keterujaan, ataksia (gangguan koordinasi otot), takikardia (kadar degupan jantung yang cepat), otot bergetar, konvulsi, pendilatan anak mata, hiperpireksia (kenaikan suhu badan).

## Semasa menggunakan POLYNASE FORTE SYRUP

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Anda tidak harus minum alkohol, memandu atau mengendalikan mesin selepas mengambil POLYNASE FORTE SYRUP.
- Ia tidak sesuai digunakan semasa mengandung dan menyusukan anak.
- Tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah dan harus digunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi pada kanak-kanak berusia antara 2 hingga 6 tahun.

**Kesan-kesan sampingan**

Kesan sampingan yang paling kerap adalah masalah mengantuk yang ringan hingga sederhana. Ia juga boleh menyebabkan insomnia, konvulsi, khayalan, denyutan jantung yang tidak teratur atau perlahan, peningkatan tekanan darah, sesak nafas dan kegemuruh yang luar biasa pada dos yang tinggi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan POLYNASE FORTE SYRUP**

Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan..

Pelupusan

POLYNASE FORTE SYRUP perlu dilupuskan apabila doktor menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Cecair jernih yang berwarna kuning coklat pudar.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif-  
*Dexchlorpheniramine Maleate*  
*Pseudoephedrine HCl*

Bahan-bahan tidak aktif-

*Sucrose*  
*Sodium Benzoate*  
*Glycerin*  
*Sodium Citrate*  
*Citric Acid*  
*Aspartame*  
Perisa coklat

Nombor MAL  
MAL06121106A

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP :**

29 Oktober 2015

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)281015/00385